

KEADAAN Sungai Pinang di Pulau Pinang yang tercemar dengan sampah sarap akibat sikap penduduk tempatan yang suka membuang sampah ke dalam sungai. - Gambar SAZALI CHE DIN

Sungai Pinang tercemar

Oleh SUWARNI MOKHTAR

PULAU PINANG 5 Feb. - Hitam dan busuk. Itulah realiti keadaan kebanyakan sungai yang ada di negeri ini.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati sungai yang ada di negeri ini mungkin tidak layak lagi dipanggil sungai kerana keadaannya yang begitu kotor, hitam dan berbau amat busuk, tidak ubah seperti sebuah parit besar.

Menurut salah seorang penduduk di Kampung Sungai Ralin, **Sa'aridun Ahmad**, 60, keadaan Sungai Pinang di sebelah kampungnya itu semakin hari semakin terutamanya sejak wujudnya penempatan haram di hulu sungai tersebut.

"Kalau dulu, sungai di sini bersih, jernih. Macam-macam ikan ada, kerang pun ada di sini," ujar Saaridun yang sudah menetap di kampung tersebut sejak kecil lagi.


Seorang lagi penduduk kampung terbabit, **Rosnah Ahmad**, 56, berkata, perangkap sampah yang dibuat di sungai tidak sesuai dan turut menyumbang kepada bau busuk yang terpaksa dihidu oleh penduduk kampung itu sejak 10 tahun lalu.

Kata Rosnah, sejak perangkap sampah itu dipasang dua bulan lalu baru sekali pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengangkat dan membuangnya, itupun selepas aduan dibuat oleh penduduk kampung.

"Kadang-kadang waktu pagi, ada orang majlis datang tengok sungai tapi sekadar tengok dan cakap mulut saja. Keadaan sungai tetap macam ini," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi minggu lalu terus merungut apabila mendapati sungai di Pulau Pinang masih lesu dan keruh seperti 'teh susu'.

Tambah Rosnah lagi, sikap



SA'ARIDUN AHMAD

beberapa penduduk tempatan yang suka membuang sampah dan sikap majlis tempatan yang hanya 'bekerja' apabila mendapat aduan, memburukkan lagi keadaan sungai tersebut.

Salah seorang pengurus di Hotel Sands Resort di sini, **Ahmad Azhari Hamzah**, 41, berkata, keadaan sungai berhampiran Kampung Rawa dan su-



AHMAD AZHARI HAMZAH

ngai-sungai lain di Pulau Pinang amat teruk iaitu hampir kesemuanya tercemar.

"Dulu masa kecil, saya dan rakan-rakan selalu menangkap pelbagai jenis ikan di sungai seperti ikan bulan dan anak udang. Tapi sekarang sungai pun dah tidak ada rupa sungai," kata Ahmad Azhari yang merupakan anak jati Kampung Rawa.



ASMAM ABDULLAH

Seorang suri rumah, **Asmah Abdullah**, 48, berkata pendidikan awal perlu diberi oleh ibu bapa kepada anak-anak sebagai langkah jangka panjang bagi menyelamatkan sungai yang ada di negara ini.

Katanya, sikap sesetengah ibu bapa yang membuang sampah ke dalam sungai merupakan antara punca ia semakin kotor dan tidak dihargai.